

09/10/1998

Hanya ahli layak bahaskan undi bonus

TIDAK ada satu pun peraturan dan undang-undang yang dirumus oleh manusia tidak boleh diubah. Sesuatu peraturan biasanya digubal apabila ia dirasakan perlu dalam keadaan tertentu dan dipinda setelah ia tidak lagi sesuai. Ini amalan biasa dalam sistem pemerintahan atau pengurusan organisasi. Matlamat mewujudkan peraturan dan undang-undang adalah untuk melicinkan pentadbiran dan pengurusan berasaskan kepentingan, keadaan dan tuntutan semasa. Oleh itu, cadangan pindaan Perlembagaan Umno bukanlah perkara luar biasa. Pindaan undang-undang negara digubal dan dipinda menerusi dewan perundangan sama ada Dewan Undangan Negeri atau Parlimen manakala undang-undang parti dibuat menerusi persidangan khas agung parti. Dalam amalan sistem demokrasi, sebarang pindaan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya tanpa persetujuan ahli. Jika majoriti perwakilan yang mewakili ahli parti bersetuju, barulah pindaan boleh dilakukan setelah melalui proses tertentu.

Umno sekali lagi akan membuat beberapa pindaan Perlembagaan parti itu. Salah satu peraturan yang akan dipinda ialah pemansuhan undi bonus atau undi akar umbi bagi calon presiden dan timbalan presiden parti. Undi bonus diperkenalkan berikutan krisis dalam pemilihan kepemimpinan Umno pada 1987, yang membawa kepada Umno diisytiharkan sebagai pertubuhan tidak sah. Ketika itu berlaku keadaan yang mana pencalonan yang dibuat kepada seseorang tokoh di peringkat bahagian Umno, tidak melambangkan sokongan sebenar kepada pemimpin yang dicalonkan. Walaupun seseorang calon hanya mendapat pencalonan daripada beberapa bahagian Umno, tetapi apabila pemilihan dijalankan, ia mendapat undi yang jauh lebih besar. Begitu juga, seseorang calon yang mendapat begitu banyak pencalonan, tetapi dalam pemilihan, undi yang diperolehi tidak melambangkan sokongan bahagian.

Inilah keadaan yang berlaku dalam pertandingan jawatan Presiden Umno antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah pada 1987. Berikutan itu, undi bonus diperkenalkan membolehkan tokoh yang dicalonkan oleh setiap bahagian mendapat 10 undi automatik. Rasional undi bonus diperkenalkan ialah untuk mengelakkan berlakunya amalan politik wang yang mana perwakilan ke perhimpunan agung mudah terdedah kepada sogokan. Dengan cadangan memansuhkan undi bonus ini, bagi sesetengah pihak menganggapnya tidak demokratik, Umno akan menggunakan peraturan pemilihan sebelum 1987. Kita yakin disebabkan amalan politik wang masih belum dibanteras sepenuhnya, pemansuhan undi bonus ini akan diikuti beberapa syarat lain. Umno tidak mahu pengalaman lalu menghantui parti itu. Oleh itu, beberapa syarat tambahan perlu diwujudkan.

Dengan memansuhkan peraturan itu, Umno memenuhi janjinya kepada perwakilan dan ahlinya bahawa syarat itu dikaji dari semasa ke semasa. Namun, pemansuhan undi bonus ini juga mungkin tidak kekal jika masalah politik wang, terus menjadi `bara dalam sekam'. Terpulang kepada ahli Umno memikirkan apa yang baik untuk parti. Perwakilan akan membahaskan peraturan itu dan membuat keputusan. Mereka juga akan membahaskan cadangan berhubung beberapa syarat layak bertanding jawatan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT). Memang diakui, syarat sedia ada agak longgar yang menyebabkan sering timbul perasaan tidak puas hati ahli. Ada ahli yang terlalu baru dan kurang pengalaman dalam parti tetapi disebabkan ditunjuk, peluang untuk bertanding dan menang begitu cerah. Dari satu segi, ia mungkin baik untuk parti jika seseorang itu berpotensi. Tetapi, tidak dapat dielakkan, ia juga akan menyebabkan Umno terdedah kepada

pelbagai percaturan politik.

Salah satu daripada 17 cadangan pindaan Perlembagaan Umno turut membabitkan penurunan had umur anggotanya daripada 18 ke 16 tahun. Ini pun bukan perkara baru kerana sebelum ini pun Umno menerima ahli yang berumur 16 tahun. Adalah tidak salah untuk menggalakkan golongan yang masih muda ini berjinak dengan kegiatan parti daripada membiarkan mereka terbabit dalam kegiatan yang tidak sihat.

Dengan mendekatkan diri mereka dengan Umno, ia dapat mengelakkan remaja dipengaruhi ideologi yang dibawa oleh pertubuhan lain. Lebih awal menganggotai Umno, mereka dapat menimba banyak pengalaman mengenai perjuangan parti. Potensi kepemimpinan mereka juga mungkin lebih awal dapat dikesan yang mungkin boleh menghapuskan dilema ketandusan pemimpin pada masa akan datang. Jika sebelum merdeka anak muda diajak menggembleng tenaga mempertahankan negara, tidak ada sebab hari ini ia tidak boleh dilakukan.

(END)